



## BABI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM, BUDAYA DAN AGAMA LAIN

Oleh:  
Rumaizi bin Ahmad, SHI.  
Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Selangor.

### BABI : PENGENALAN RINGKAS

Babi merupakan sejenis haiwan ciptaan Allah SWT.

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ

عَلِيمٌ

*Dia lah (Allah) Yang menjadikan untuk kamu Segala Yang ada di bumi, (al-Baqarah : 29)*

Ia termasuk dalam keluarga mamalia dari spesies **Artiodactyla**. Ia hidup di semua benua kecuali Antartika. Terdapat beberapa baka ternakan babi dalam dunia, antaranya;

1. Baka *Berkshire* - baka Inggeris berwarna hitam bermuka putih yang dijual sebagai pork dan bacon.
2. Baka *Duroc* berasal dari Amerika Syarikat yang berkulit kuning hingga merah gelap serta baik untuk daging dan lemak.
3. Baka *Hampshire* berwarna hitam dengan lingkaran putih pada kaki dan bahu.
4. Baka *Yorkshire* atau *Large White* kacukan Inggeris Cina yang banyak dikeluarkan untuk daging dan *bacon*. Ia kerap diguna untuk mengacukkan babi-babi.



### BABI DARI SEGI BAHASA

Dari segi linguistik dalam bahasa Melayu di sebut **babi** dan ia dikatakan salah satu daripada tiga kosa kata asli Bahasa Melayu **babi, padi, besi**. Perkataan lain Bahasa Melayu merupakan kata-kata pinjaman dari Bahasa Arab yang pernah dipopularkan satu masa ialah **khinzir**.. Anak babi disebut **nangoi**. Babi hutan disebut juga **babi**



**baran**. Tetapi **babi alu** ialah sebutan lain bagi tenok. Ia tidak termasuk haiwan najis seperti juga **babi laut**.

Dalam bahasa Melayu ada simpulan bahasa **babi buta** atau **membabi buta** iaitu membuat sesuatu secara sembrono. Ada peribahasa **babi jalang** atau **membabi jalang** merujuk kepada orang yang hidup tidak senonoh dan suka berzina. **Macam babi hutan** peribahasa bermaksud buat kerja tanpa berfikir. Manakala ada sejenis tumbuhan yang dipanggil **pokok babi kurus**. Babi juga sebagai perkataan maki hamun. Bahasa sopan disebut kerbau pendek.

Dalam bahasa Arab *mufradnya* (*singular-kata tunggal*) disebut **Khinzir** manakala jamaknya (*plural-kata jamak*) **Khanazir**. Dalam bahasa Inggeris pada umumnya disebut **pig** atau **swine**. Bahasa saintifiknya **Suidae**.

Babi betina dewasa disebut **sow** manakala yang jantan disebut **boar**. **Wild boar** pula bermaksud babi hutan. Anak babi disebut **piglet**, manakala daging babi disebut **pork**. **Bacon** ialah bahagian daging yang banyak daripada belakang atau sisinya yang digaramkan atau kadang-kadang diperasap. **Lard** bermaksud lemak babi. Bulunya dipanggil **bristle**.

#### BEBERAPA FAKTA TENTANG BABI

Babi dikatakan mula menjadi binatang ternakan manusia sejak tahun 8000 SM. Kebanyakan babi ternak berasal daripada babi liar Eropah selain daripada China dan India. Di beberapa bahagian Melanesia, babi dianggap sebagai salah satu ahli keluarga, manakala di banyak tempat di benua Oceania, kekayaan seseorang dikira daripada banyaknya babi yang dimiliki.

Negara terbesar pengeluar babi ialah Cina dengan 39.9 juta tan setahun, diikuti AS, German, Sepanyol dan Brazil. Pengeksport terbesar ialah Denmark dengan 1.3 juta tan setahun, diikuti oleh Belanda, Belgium dan Luxembourg, Perancis dan Canada. Di Denmark, babi dua kali ganda daripada banyaknya manusia.<sup>1</sup>

<sup>1</sup>. (DK Illustrated Factopedia, London, 1996).





## PERANGAI BABI MEMPENGARUHI PERANGAI MANUSIA ?

Satu masa ketika Imam Muhammad Abduh mengunjungi Perancis. Mereka bertanya kepadanya mengenai rahsia diharamkannya babi dalam Islam. Tanya mereka, "Kalian (umat Islam) mengatakan bahwa babi haram, karena ia memakan sampah yang mengandung cacing pita, mikrob-mikrob dan bakteria-bakteria lainnya. Hal itu sekarang ini sudah tidak ada. Karena babi ditenak dalam peternakan modern, dengan kebersihan terjamin, dan proses sterilisasi yang mencukupi. Bagaimana mungkin babi-babi itu terjangkit cacing pita atau bakteria dan mikrob lainnya.?"

Imam Muhammad Abduh tidak langsung menjawab pertanyaan itu, dan dengan kecerdikannya beliau meminta mereka untuk menghadirkan dua ekor ayam jantan beserta satu ayam betina, dan dua ekor babi jantan beserta satu babi betina. Mengetahui hal itu, mereka bertanya, "Untuk apa semua ini?" Beliau menjawab, "Penuhi apa yang saya pinta, maka akan saya perlihatkan suatu rahsia."

Mereka memenuhi apa yang beliau pinta. Kemudian beliau memerintahkan agar dilepaskan dua ekor ayam jantan bersama satu ekor ayam betina dalam satu kandang. Kedua ayam jantan itu berkelahi dan saling membunuh, untuk mendapatkan ayam betina bagi dirinya sendiri, hingga salah satu dari keduanya hampir tewas. Beliau lalu memerintahkan agar mengurung kedua ayam tersebut.

Kemudian beliau memerintahkan mereka untuk melepaskan dua ekor babi jantan bersama dengan satu babi betina. Kali ini mereka menyaksikan keanehan. Babi jantan yang satu membantu temannya sesama jantan untuk melaksanakan hajat seksualnya, tanpa rasa cemburu, tanpa harga diri atau keinginan untuk menjaga babi betina dari temannya.

Selanjutnya beliau berkata, "Saudara-saudara, daging babi membunuh '*ghirah*' orang yang memakannya. Itulah yang terjadi pada kalian. Seorang lelaki dari kalian melihat isterinya bersama lelaki lain, dan membiarkannya tanpa rasa cemburu, dan seorang bapak di antara kalian melihat anak perempuannya bersama lelaki asing, dan kalian membiarkannya tanpa rasa cemburu, dan was-was, karena daging babi itu menularkan sifat-sifatnya pada orang yang memakannya."

Kemudian beliau memberikan contoh yang baik sekali dalam syariat Islam. Iaitu Islam mengharamkan beberapa jenis ternak dan unggas yang berkeliaran di sekitar kita, yang memakan kotorannya sendiri. Syariah memerintahkan bagi orang yang ingin menyembelih ayam, itik atau angsa yang memakan kotorannya sendiri agar mengurungnya selama tiga hari, memberinya makan dan memperhatikan apa yang ditelan oleh haiwan itu. Hinggalah perutnya bersih dari kotoran-kotoran yang mengandung bakteria dan mikrob. Karena penyakit ini akan berpindah kepada



manusia, tanpa diketahui dan dirasakan oleh orang yang memakannya. Itulah hukum Allah, seperti itulah hikmah Allah.<sup>2</sup>

## BABI MENURUT PANDANGAN ISLAM

### DALIL-DALIL TENTANG BABI DALAM AL-QURAN

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ ۖ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang Yang disembelih tidak kerana Allah. (al-baqarah : 173.)

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلِيَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَفَقَةُ وَالْمَوْقُودَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ ۚ ذَٰلِكُمْ فِسْقٌ ﴿٣﴾

Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang Yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang Yang disembelih kerana Yang lain dari Allah, dan Yang mati tercekik, dan Yang mati dipukul, dan Yang mati jatuh dari tempat Yang tinggi, dan Yang mati ditanduk, dan Yang mati dimakan binatang buas, kecuali Yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan Yang disembelih atas nama berhala; . (al-Maidah : 3.)

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلِيَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ ۖ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١١٥﴾

Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang Yang disembelih tidak kerana Allah .

(an-Nahl: 115.)

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلِيَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ ۖ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٥٥﴾

<sup>2</sup> Ruj: Syekh Fauzi Muhammad Abu Zaid *Hidangan Islami: Ulasan Komprehensif Berdasarkan Syari'at dan Sains Modern* Terj.: Abdul Hayyie al Kattani, Gema Insani, Jakarta, Cet : I/1997



*Katakanlah (Wahai Muhammad): "Aku tidak dapati Dalam apa Yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu Yang diharamkan bagi orang Yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah Yang mengalir, atau daging babi - kerana Sesungguhnya ia adalah kotor - atau sesuatu Yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang Yang disembelih atas nama Yang lain dari Allah". kemudian sesiapa Yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak melampaui batas, maka Sesungguhnya Tuhan mu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

(al-An'am : 145.)

### DALIL TENTANG BABI DALAM AL-HADIS

عن جابر بن عبد الله أنه سمع رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول عام الفتح وهو بمكة إن الله ورسوله حرم بيع الخمر والميتة والخنزير والأصنام فقيل يا رسول الله أرأيت شحوم الميتة فإنه يطلى بها السفن ويدهن بها الجلود ويستصبح بها الناس فقال لا هو حرام ثم قال رسول الله صلى الله عليه وسلم عند ذلك قاتل الله اليهود إن الله عز وجل لما حرم عليهم شحومها أحملوه ثم باعوه فأكلوا ثمنه

*Hadis Jabir bin Abdullah r.a: Ketika pembukaan Kota Mekah, beliau mendengar Rasulullah s.a.w yang ketika itu berada di Mekah bersabda: Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya telah mengharamkan penjualan arak, bangkai, babi dan berhalah. Kemudian baginda ditanya: Wahai Rasulullah! Bagaimana dengan lemak bangkai yang digunakan untuk mengecat perahu, untuk dilumurkan di kulit supaya berminyak dan untuk menyalakan lampu? Baginda menjawab: Tidak boleh. Ianya tetap haram. Lalu baginda meneruskan kata-kata: Semoga Allah membinasakan orang-orang Yahudi. Sesungguhnya Allah s.w.t ketika mengharamkan lemak bangkai kepada mereka, mereka beralasan lalu menjualnya dan memakan hasil penjualan tersebut ( HR Muslim )*

### HUKUM DAGING BABI

Babi adalah satu-satunya haiwan dari spesies mamalia *artiodactyla* yang satu keluarga dengan haiwan domestik lainnya ( haiwan ternakan ) seperti unta, lembu, kambing dan kerbau yang dinyatakan dengan jelas oleh Allah SWT tentang hukum memakan dagingnya. Kesemua dalil daripada al-Quran seperti yang telah disebutkan di atas menerangkan bahawa **lahm al-Khinzir** atau daging babi itu diharamkan untuk kita umat Islam.



Berdasarkan nas ini, jumbuh ulama menghukumkan semua yang ada pada babi itu, atau daripada keturunannya adalah haram dimakan termasuklah tulangnya, lemaknya, jeroannya dan lain-lain. Demikian pendapat keempat-empat imam mazhab yang masyhur, Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Demikian juga menurut mazhab Ja'fariah ( Syiah ) dan Ibadhiah.

Namun, di sana ada pandangan yang syaz (ganjil) daripada sesetengah golongan al-Zahiriah yang berpendapat bahawa yang diharamkan hanya daging babi, bukan lemaknya kerana Allah secara khusus dalam ayat-ayat tersebut menyatakan **lahm al-Khinzir**. Walaupun begitu, salah seorang pemuka mazhab al-Zahiri iaitu al-Imam Abu Muhammad bin Said bin Hazm al-Andalusi menganggap babi itu najis samada seluruh atau sebahagian. Dengan erti kata lain beliau juga bersetuju dengan jumbuh bahawa apa sahaja daripada babi adalah haram.

Al-Imam Qurtubi dalam tafsirnya ketika mentafsirkan ayat ini, mengatakan, "Tiada perselisihan pendapat bahawa tubuh babi dan segala sudut daripadanya adalah haram." Demikian susunya dan apa sahaja keturunan daripadanya. Samada disembelih atau tidak. Demikianlah pendapat jumbuh ulama.<sup>3</sup>



#### SIAPA ITU AL-ZAHIRIAH ?

Al-Zahiriah ialah golongan mazhab Zahiri yang diasaskan oleh Imam Abu Sulaiman Daud bin Ali al-Asfahani al-Zahiri, pengasas Mazhab Az-Zahiri, seorang al-Hafiz iaitu martabat tertinggi dalam penguasaan ilmu hadis. Beliau juga seorang ahli fikah yang mujtahid mutlak sehingga mendirikan mazhabnya sendiri iaitu mazhab Al-Zahiri walaupun sebelumnya bermazhab Syafi'i .

Mazhab beliau berasal dari Baghdad tetapi dikembangkan di Andalusia (Sepanyol ) oleh al-Imam Abu Muhammad bin Said bin Hazm al-Andalusi yang telah mengarang kitab fikah mazhab Zahiri yang monumental *al-Muhalla* dan kitab usul fikahnya *al-Ihkam fi usul al-Ahkam*.Walaupun mazhab ini pupus pengamalannya bersama pupusnya negara Islam Sepanyol, kedua-dua kitab ini mengekalkan pengetahuan kita terhadap mazhab mereka. Mereka berpegang kepada maksud zahir nas daripada a-Quran dan al-Sunnah.

#### HUKUM KENAJISAN BABI

Di dalam al-Quran, Allah SWT menyatakan tentang hukum haramnya memakan daging babi sebagaimana dalam surah al-Baqarah: 173, al-Maidah : 3, al-An'am : 145, dan al-

<sup>3</sup>Muhammad Ali al-Sabuni, *Rawai' al-Bayan fi Tafsir Ayat al-Ahkam Min al-Quran*, terj: Saleh Mahfodz, Pustaka al-Azhar: Kuala Lumpur, 1987.)



Nahl : 115. Hanya ayat 145 surah al-An'am sahaja yang menjelaskan bahawa ia adalah haiwan yang kotor. Firman Allah SWT dalam ayat tersebut ;

أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ

atau daging babi - kerana Sesungguhnya ia adalah 'rijsun' - (al-An'am : 145.)

Dalam Kamus Besar Bahasa Arab-Melayu Dewan, perkataan **al-rijsu** bermaksud; Kekotoran, benda-benda yang kotor, perlakuan yang buruk, perkara yang haram, laknat, kekufuran, siksaan, godaan (syaitan).<sup>4</sup> **Rijsun** ialah perkara keji yang dijauhan oleh akal yang sihat. Al-Zajaj mengatakan **al-rijsu** ialah nama bagi segala yang dianggap kotor dan buruk. Maka segala sesuatu yang berbau busuk, tahi dan segala kekotoran disebut **rijsun** kerana semuanya adalah kotor dan najis. Kata Imam Tabari dalam Tafsirnya, ianya (babi) itu *qazrun* ( kotor) dan *najasatun* ( najis ).<sup>5</sup>

Dalam *Al-Fiqh wa Adillatuh*, Dr.wahbah Zuhaili menyatakan kesepakatan para fuqaha tentang kenajisan daging babi walaupun disembelih mengikut syara' tetap najis, demikian bulu, tulang dan kulitnya walaupun kulitnya disamak.<sup>6</sup>

Abdul Rahman Al-Jaziri dalam *Kitabul Fiqh 'Ala Mazahibil-Arba'ah*<sup>7</sup> telah menukilkan pandangan keempat-empat Imam dalam masalah ini. Menurut Syafi'iah dan Hanabilah babi dan apa yang lahir daripadanya walaupun hasil kacukan dengan haiwan lain yang halal adalah najis. Demikian juga menurut pandangan al-Hanafiah. Dengan ini bermaksud kulit babi dan keturunannya tetap najis walaupun disamak.

Manakala menurut Malikiyah babi dan apa yang lahir daripadanya semasa hidup adalah suci keseluruhannya. Namun kulitnya tidak suci. Muhammad Jawad Mughniyah dalam kitabnya *al-Fiqhu 'ala Mazahib al-Khamsah* menukilkan pandangan Mazhab Ja'fariyah iaitu fikah pegangan Syiah Imamiah yang juga memandang najis pada babi.

Pemuka Mazhab Zahiri, al-Imam Abu Muhammad bin Said bin Hazm al-Andalusi dalam kitabnya *al-Muhalla*<sup>8</sup> menyatakan, Babi adalah najis pada dirinya dan keseluruhannya adalah najis dan najis wajib dijauhi. Walau bagaimanapun beliau menyatakan kulit babi suci dengan disamak berdasarkan keumuman hadis Rasulullah SAW tentang sucinya kulit bangkai dengan disamak. Demikian pendapat al-Syaukani dan sebahagian Malikiyah menganggap boleh diguna setelah melalui proses dibagh ( samak ).

<sup>4</sup> Hj. Othman b. Hj. Khalid et. al , *Qamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

<sup>5</sup> Muhammad Ali al-Sabuni, *op.cit.*

<sup>6</sup> Ryj: ,Dr.Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Damaskus: Dar al-Fikr, 1985.

<sup>7</sup> Ruj:., Abdul Rahman Al-Jaziri, *Kitabul Fiqh 'Ala Mazahibil-Arba'ah* , Kaherah : Dar Arrayyan, 1987.

<sup>8</sup> Ruj: al-Imam Abu Muhammad bin Said bin Hazm al-Andalusi, *al-Muhalla*, t.tp,t.t.



Abu Hanifah dan Malik membenarkan penggunaan bulu babi sebagai tali manik / butang, manakala Syafe'i melarang sedangkan Ahmad memakruhkannya.<sup>9</sup>

Menurut pendapat yang zahir dalam mazhab Syafi'i, najis babi dipanggil najis *mughallazah*, iaitu najis berat. Cara menyucikan najis tersebut adalah khusus sebagaimana yang dinyatakan di bawah.

Dalam *Kifayat al-Akhyar Fi Hal Ghayat al-Ikhtisar* , susunan seorang ulama bermazhab Syafi'i kurun ke 7 Hijrah, melontarkan persoalan; Adakah menyucikan najis babi itu sama dengan anjing ? Lalu dijawab, adanya dua qaul iaitu qaul qadim dan qaul jadid. Dalam qaul jadid dinyatakan sama dengan anjing ( iaitu dibasuh tujuh kali salah satunya dengan tanah ) dan pendapat ini yang diqat'ikan ( diputuskan ) sebahagian besar ulama Syafi'i. Ia berhujah dengan *Qiyas Awla*. Manakala dalam qaul qadim, dinyatakan sama macam najis lain, cukup dbasuh sekali jika ia dapat menghilangkannya. Dan pendapat dari qaul qadim ini yang dirajihkan oleh Imam nawawi dalam kitabnya *al-Majmuk Syarah al-Muhazzab*.<sup>10</sup>



#### APA ITU QAUL QADIM DAN QAUL JADID ?

**Qaul qadim** ialah pendapat lama Imam Syafi'i ketika beliau berada di Baghdad dan **Qaul jadid** ialah ijthad beliau yang baru semasa di Mesir .

#### BOLEHKAH GUNAKAN SELAIN TANAH ?

Dalam kitab yang sama juga melontarkan persoalan, adakah sabun dan *usyan* ( sejenis pokok yang tumbuh di kawasan padang pasir yang boleh digunakan untuk membasuh pakaian atau garam abu menurut *Kamus al-Marbawi*) sama dengan tanah?

Padanya ada beberapa pendapat. Satu pendapat mengatakan ia sama dengan tanah sebagaimana benda-benda kesat yang lain sama dengan batu dalam istinjak dan ia apa yang disahkan oleh Imam Nawawi dalam kitab *Ru'us al-Masa'il*. Pendapat yang zahir pada al-Rafi'i, *Kitab al-Rawdhah* dan *al-Majmu' Syarah al-Muhazzab*, ianya tidak sama justeru kesucian itu bergantung pada tanah. Pendapat yang lain menyatakan; jika tidak kedapatan tanah yang suci maka ia boleh digunakan. Dan ada pendapat

<sup>9</sup> Ruj:, *al-Dimasyqi, Abi Abdullah Muhammad bin Abd Rahman, Rahmat al-Ummah fi Ikhtilaf al-Aimmah, Dar al-Fikr, Beirut, 1996.*

<sup>10</sup> Ruj: *al-Imam Taqiy al-Din Abi Bakr Muhammad al-Husaini al-Dimasyqi al-Syafi'i, Kifayat al-Akhyar Fi Hal Ghayat al-Ikhtisar, Kaherah: Maktabah al-Imanm ,t.t.*





menyatakan jika tanah boleh membinasakan umpamanya pakaian maka ia boleh digunakan.

Dalam *Sabil al-Muhtadin*, kitab klasik Fikah Melayu Nusantara, karangan Syaikh Arsyad Al-Banjari menyatakan; Tiada memadai yang lain daripada tanah seperti *usyan* dan sabun

### PANDANGAN MAZHAB LAIN

Oleh kerana Malikiyah menganggap babi yang hidup tidak najis, maka tidak timbul soal menyucikannya, kecuali bangkainya, tahinya dan kencingnya dibasuh sebagaimana membasuh najis-najis yang lain. Mazhab Hanafi menganggap babi sama najisnya seperti najis-najis yang lain, maka cukup membasuhnya sebagaimana membasuh najis biasa lain seperti tahi dan kencing.<sup>11</sup>

Mazhab Hanbali menyatakan, najis babi wajib dihilangkan dengan membasuhnya tujuh kali, salah satunya dengan tanah yang bersih atau sabun atau yang seumpamanya. Bagi mazhab Ja'fariah, basuh dengan tujuh kali air sahaja yakni tanpa tanah.<sup>12</sup>

### BABI MENURUT PANDANGAN AGAMA LAIN

Dalam agama lain, selain daripada sebagai makanan, babi juga menjadi salah satu daripada korban untuk pemujaan dan upacara agama. Orang Mesir purba menggambarkan Dewi Nuut, dewi malam, ibu bagi segala bintang, sebagai seekor babi betina sedang menyusukan anak-anaknya dalam azimat-azimat mereka. Babi juga merupakan binatang kudus untuk Dewa Isis manakala babi hutan hitam pula haiwan kudus bagi Dewa Seth.<sup>13</sup>

Sesetengah mitologi Greek menyatakan Dewa Zeus disusui oleh babi betina. Babi juga haiwan kudus bagi Demeter, Dewi kesuburan bumi yang merupakan ibu kepada Persephone, ratu dunia bawah. Semasa musim gugur, dalam upacara keagamaan *Thesmophoria* para penganutnya memacu sekumpulan babi melalui *labyrinth* (lorong selirat).<sup>14</sup>

Pada dasarnya, Agama Yahudi dan Nasrani turut mengharamkan makan daging babi. Hal ini ada dinyatakan dalam ayat-ayat berikut;<sup>15</sup>

<sup>11</sup> *al-jazari, op.cit.*

<sup>12</sup> Ruj: Muhammad Jawad Mughniyah, *al-Fiqh ala al-Mazahib al-Khamsah*, Beirut :Dar al-Jawad, 1984.

<sup>13</sup> [http://www.khandro.net/animal\\_swine.htm](http://www.khandro.net/animal_swine.htm)

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> *Terjemahan Lembaga Al-Kitab Indonesia, Jakarta, 2005.*



*“Demikian juga babi hutan, kerana memang berkuku belah, yaitu kukunya bersela pajang, tetapi tidak memamah biak; haram itu bagimu Daging binatang-binatang itu janganlah kamu makan dan bangkainya janganlah kamu sentuh; haram semuanya itu bagimu.”( Imamat [Leviticus]11 : 7-8 )*

*” Juga babi hutan, kerana memang berkuku belah, tetapi tidak memamah biak; haram itu bagimu.Daging binatang-binatang itu janganlah kamu makan dan janganlah kamu terkena bangkainya”  
(Ulangan [Deutronomy] 14:8 )*

*”Yang duduk di kuburan-kuburan dan bermalam di dalam gua-gua; yang memakan daging babi dan kuah daging najis ada dalam kuala mereka”.  
(Yesaya [Isaiah] 65:4)*

*”Mereka yang menguduskan dan mentahirkan dirinya untuk taman-taman dewa, dengan mengikuti seseorang yang ada di tengah- tengahnya, yang memakan daging babi dan binatang-binatang jijik serta tikus, mereka semuanya akan lenyap sekaligus, demikianlah firman TUHAN. ”( Yesaya [Isaiah] 66:17 ).*

Justeru itu sesetengah daripada penganut Nasrani menyatakan yang diharamkan hanya babi hutan. Dalam terjemahan versi lain tidak disebut babi hutan, tetapi disebut babi sahaja. Dalam teks bahasa Inggeris The Gideons International Edisi 1984 disebut,

*And the swine, though he divide the hoof, and be clovenfooted, yet he cheweth not the cud; he is unclean to you.Of their flesh shall ye not eat, and their carcass shall ye not touch; they are unclean to you.( Leviticus 11 :7-8)*

Dalam ayat di atas jelas menyatakan *swine* iaitu *pig*, yakni babi. Ini apa yang dinyatakan dalam kitab Perjanjian Lama. Penganut Yahudi tetap berpegang teguh terhadap hukum ini, bahkan dalam hal sembelihan juga mereka amat berpegang teguh dengan hukum-hukum makanan (*kosher*).

Bagi orang Nasrani pula, di sana terdapat hukum yang membolehkan memakan daging babi berdasarkan kata Paulus, semua daging binatang halal dimakan, tidak ada yang haram (I Korintus 6: 12, I Korintus 10:25, Kolose 2:16, I Timotius 4: 4-5, Roma 14:17). Lagipun babi telah menjadi haiwan ternakan tradisi dan simbol mitologi sejak sebelum kedatangan agama Nasrani ke Eropah.



Bagi agama Hindu, mereka digalakkan untuk menjadi vegetarian dengan menjauhkan diri daripada daging termasuk daging babi terutama ketika mencapai umur tua. Hal ini lebih-lebih lagi ketika menjalani kehidupan zuhud (ascetism) <sup>16</sup>.

Dalam praktik vedik berkenaan makanan sebagaimana disebut secara keseluruhannya dalam Rig Veda menyatakan tentang ghritha (minyak sapi), madu (madu), go, payas (soma, susu), dadhi (dadih), yava (bijirin), beberapa tumbuhan dan produk susu. Hanya sedikit ia menyatakan tentang korban haiwan. <sup>17</sup>

Tetapi ia juga tidak bererti Hindu secara keseluruhannya mengharamkan terus memakan haiwan termasuk babi. Justeru itu terdapat orang Hindu yang memakan daging terutama ikan dan daging kambing. Sebahagian Hindu Tantrik memasukkan ritual memakan daging sebagai sebahagian daripada praktik kerohanian mereka. Yang pasti, mereka hanya tidak dibenarkan memakan daging lembu kerana kesucian binatang tersebut <sup>18</sup>, bukannya kerana keharamannya.

Dalam mitologi mereka terdapat beberapa dewa-dewi yang digambarkan berwajah babi. Antaranya Dewi Varahi atau Barahi yang melindungi Kuil Newari di Nepal. <sup>19</sup> Di Bali, babi menjadi salah satu haiwan untuk korban. Menurut *Bhagavad Gita* (3.30.5) Indra, raja bagi dewa-dewa pernah bertukar menjadi babi. Avatar ketiga bagi Vishnu pula ialah babi hutan yang tergambar sebagai haiwan itu atau sebagai dewa berkepala babi dengan empat tangan. <sup>20</sup>



Dalam kebudayaan orang Cina, terdapat Tahun Babi dalam putaran penanggalan 12 tahunan. Dalam *Li Ki* (*The Book of Rites*), Kung Fu Zi menyatakan, "Orang bijak tidak makan daging babi dan anjing". (*A gentleman does not eat the flesh of pigs and dogs*). <sup>21</sup> Walau bagaimanapun, babi telah menjadi salah satu makanan yang dimakan oleh kebanyakan orang Cina di seluruh dunia kerana tiada larangan yang qati'e dalam agama dan kepercayaan mereka terhadap babi.

Dalam agama Buddha terdapat lima larangan dasar iaitu membunuh, berzina, mencuri, berbohong, dan minum khamar. Justeru itu ia menggalakkan penganutnya mengelakkan makan daging termasuklah daging babi kerana memakan daging bermaksud membunuh haiwan. Secara umumnya mereka

<sup>16</sup> Ruj: Prof. Dr Ahmad Shalaby, *Agama-agama Yang Terbesar di India*, terj. Muhammad Labib. Pustaka Nasional, Singapura, 1970.

<sup>17</sup> David Frawley, Hindu Voice UK, September 2006. <http://www.hinduvoice.co.uk/Issues/9/Veggie.htm>

<sup>18</sup> Prof. Dr Ahmad Shalaby, op.cit.

<sup>19</sup> [http://www.khandro.net/animal\\_swine.htm](http://www.khandro.net/animal_swine.htm)

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> The *Lî Kî* (THE BOOK OF RITES), Terj: James Legge [1885], dlm <http://www.sacred-texts.com/cfu/liki/>



digalakkan menjadi *vegetarian*. Kata Buddha,

*"Him I call a Brahmana who lays aside the rod, who neither kills nor causes the death of creatures, moving or non-moving (animals or plants)."*<sup>22</sup>

Namun tidak bererti mereka dilarang terus dari memakan daging termasuk daging babi. Terdapat rekod yang menyatakan Buddha dan pengikutnya juga makan daging dan membenarkan makan daging tanpa membataskannya kepada mana-mana haiwan dengan keadaan tertentu. Gautama Buddha menyatakan,

*"Monks, I allow you fish and meat that are quite pure in three respects: if they are not seen, heard or suspected to have been killed on purpose for a monk. But, you should not knowingly make use of meat killed on purpose for you."*<sup>23</sup>

Dalam agama Pagan, babi merupakan salah satu binatang ternakan yang utama seperti juga ayam. Justeru itu, masyarakat *aborigines* (orang asli) di banyak tempat menjadikan babi sebagai salah satu aset utama sebagaimana unta dalam budaya Arab. Semakin banyak babi yang dimiliki semakin kaya ia dipandang orang. Lantaran itu, walaupun agama selain Islam sampai ke kawasan mereka, babi tetap sinonim dalam hidup mereka justeru tiadanya pengharaman secara pasti daripada agama tersebut. Berbanding dengan Islam, apabila ia datang ke satu tempat masyarakatnya berubah dari menjadi pengguna tegar babi kepada masyarakat yang amat sensitif dengan babi. Contoh yang amat jelas ialah orang Melayu. Ada satu anekdot sinis tentang orang Melayu, "Perempuan sundal boleh, babi langsung tak boleh."

## KESIMPULAN

Berdasarkan bukti sejarah, mitologi dan lagenda manusia, babi telah menjadi haiwan yang mempunyai kedudukan tersendiri dalam masyarakat. Datangnya Islam sebagai agama samawi dari Allah SWT bermula dari Adam sampilah kepada Ibrahim, Musa, Isa dan Muhammad, telah membetulkan tanggapan manusia terhadap babi. Bahkan dalam hadis yang sahih ada menceritakan bahawa Nabi Isa akan membunuh semua babi ketika kedatangannya sebelum kiamat nanti.

Jika babi sebelum ini menjadi haiwan domestik yang setara dengan lembu dan ayam, kedatangan agama Islam telah mengubah perspektif kita bahawa babi hendaklah kita jauhi. Perspektif ini kadang-kadang menjadi terlalu dogmatik sehinggakan pertimbangan emosi mengatasi pertimbangan akal yang waras.

Wallahu A'lam.

<sup>22</sup> Dhammapada 26.409

<sup>23</sup> Book of the Discipline, Vol. 4, h. 325. Lihat; Ajahn Brahmavamsa, *What the Buddha Said About Eating Meat* (Newsletter, April-June 1990, Buddhist Society of Western Australia.), <http://www.urbandharma.org/udharma3/meat.html>